

# Penjagaan Skuter Anda

Kekerapan pembersihan dan penggilapan pada Honda anda adalah penting untuk memastikan jangka hayat yang lebih panjang. Anda lebih senang memecam sesuatu masalah yang berlaku jikalau skuter anda bersih.

Sebagai contoh, air laut dan garam yang digunakan untuk mengelakkan pembentukan ais pada permukaan jalan raya akan mengakibatkan hakisan pada skuter. Pastikan anda sentiasa membersihkan skuter dengan baik selepas menunggang di tepi laut atau jalanan yang mempunyai lapisan garam.

## Pembersihan

Biarkan enjin, peredam, brek dan bahagian-bahagian lain yang bersuhu tinggi sejuk sebelum melakukan pembersihan.

1. Bilas skuter anda dengan baik menggunakan hos tekanan rendah untuk mengeluarkan kekotoran permukaan.
2. Jikalau perlu, gunakanlah span atau tuala lembut dengan sabun pembersih untuk menanggalkan kotoran.
  - ▶ Bersihkan skrin cermin, lensa lampu hadapan, panel, dan komponen plastik yang lain dengan berhati-hati agar tidak meninggalkan kesan calar.

Elakkan daripada menyimbah air secara terus ke dalam pembersih udara, peredam dan bahagian-bahagian elektrik.

3. Bersihkan skuter anda dengan rapi dengan menggunakan air yang banyak, dan keringkannya dengan kain yang lembut dan bersih.
4. Selepas skuter dikeringkan, lincirkan semua bahagian-bahagian yang boleh bergerak dengan minyak pelincir.
  - ▶ Pastikan tiada minyak pelincir yang tertumpah di bahagian brek atau tayar. Prestasi cakera brek, pad, dram atau kasut yang terkena minyak akan terjejas dan mungkin akan menyebabkan kemalangan.
5. Sapukan selapis lilin (wax) untuk mengelakkan hakisan.
  - ▶ Elakkan produk yang mengandungi sabun pembersih yang keras atau pelarut kimia. Ini akan merosakkan logam, cat dan plastik pada skuter anda. Jauhkan lilin daripada tayar dan brek.
  - ▶ Jangan gunakan lilin pada permukaan mat jika skuter anda terdapat bahagian-bahagian permukaan mat.